

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HGF 226 Geografi Fizikal Untuk Pendidikan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** (4) soalan, **DUA** (2) soalan dari Bahagian A dan **DUA** (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

- 1 (a) Kelaskan berbagai jenis banjir di Malaysia. [5 markah]

(b) Bincangkan sebab-sebab bencana banjir berlaku di pantai timur Semenanjung Malaysia pada setiap musim monsun timur-laut. [10 markah]

(c) Bincangkan cara-cara yang berkesan untuk mengurangkan kesan bencana banjir yang berlaku di pantai timur Semenanjung Malaysia pada setiap musim monsun timur-laut. [10 markah]

2 (a) Apakah definisi "sistem" danuraikan berbagai sistem semulajadi yang didapati di dunia. [12.5 markah]

(b) Bincangkan bagaimana penyesuaian tumbuhan gurun terhadap alam sekitar yang gersang dapat dianalisa dengan berdasarkan pendekatan sistem. [12.5 markah]

..12

- 3 Berdasarkan konsep "Imbangan Bahangan", huraikan bagaimana sistem bumi, atmosfera dan bumi-atmosfera mencapai sesuatu keseimbangan daripada segi taburan tenaga bahangan.

[25 markah]

- 4 (a) Ciri-ciri hutan hujan khatulistiwa merupakan penyesuaian kepada alam sekitarnya. Bincangkan.

[12.5 markah]

- (b) Kenapakah sesuatu syarikat besar menjual burger di dunia sedang menghadapi tuduhan daripada pertubuhan pencinta alam sebagai pemusnah alam sekitar?

[12.5 markah]

Bahagian B

5. a) Huraikan kaedah mengira luahan untuk sesuatu batang sungai?

[8 markah]

- b) Jika sebuah keratan rentas berukuran 5m lebar dan kedalaman purata ialah 2 meter dan bentuk keratan rentas adalah hampir segi empat, apakah kelajuan arus maksimum sungai tersebut. Andaikan dasar sungai adalah berkelikir dan kecerunan sungai adalah 0.002.

[5 markah]

- c) Jelaskan kaedah menjalankan analisis saiz endapan dengan memberikan contoh-contoh keputusan kajian lapangan yang telah anda jalankan.

[12 markah]

.../3

6.

- a) Huraikan kaedah mengukur profil rentas sungai.

[5 markah]

- b) Bagaimanakah profil rentas boleh berubah dan apakah langkah-langkah yang dapat dijalankan untuk mengatasi masalah perubahan profil rentas tersebut.

[20 markah]

7.

- Mengapakah ahli geomorfologi lebih berperanan untuk menangani masalah alam sekitar sekarang ini dan untuk masa akan datang?

[25 markah]

8.

- Bincangkan kepentingan kajian lembangan saliran dalam hidrologi dan geomorfologi.

[25 markah]

- oooOOOooo-

